



## **SIARAN MEDIA**

---

### **GARIS PANDUAN PENGGAMBARAN FILEM ASING DAN PERSEMBAHAN ARTIS LUAR NEGARA**

**PUTRAJAYA, 15 Mac 2023** - Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) menegaskan bahawa Garis Panduan PUSPAL yang dikeluarkan (semakan terbaharu) bertarikh 31 Disember 2022 yang didapati di laman web KKD bertujuan memudahkan dan melonggarkan syarat bagi pihak berkaitan berurusan dalam melakukan penggambaran filem asing dan persembahan artis luar negara.

Sehubungan itu, dimaklumkan juga bahawa Menteri Komunikasi dan Digital tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan berkaitan garis panduan ini sepertimana yang dilaporkan dalam media.

Sebarang maklumat lanjut berkaitan garis panduan ini boleh didapati dengan melayari laman web KKD atau menghubungi Jawatankuasa Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (JK-PUSPAL) di talian 03-8911 5356.

**Dikeluarkan oleh:  
Kementerian Komunikasi dan Digital**